

# Penganjur rujuk jabatan agama

■ ROSLINDA HASHIM

**ALOR SETAR** - Program Majlis Gema Zikir & Qasidah bersama Maulana Shaykh Muhammad Hisham Kabbani yang dijadual diadakan di Alor Setar, 13 Jun dalam pengetahuan kerajaan negeri, namun dianjurkan pihak swasta.

Ini berikutan tersebar gambar perjumpaan antara Exco Agama, Datuk Mohd Rawi Abd Hamid bersama wakil pihak penganjur di Wisma Darul Aman, pada 25 Mei lalu.

Berdasarkan maklum balas itu, pelbagai permasalahan diajukan kepada Mohd Rawi berkaitan sebuah maahad taahfiz milik penganjur, selain mengusulkan cadangan beberapa program di Kedah.

Antaranya, memperbanyak program keagamaan khusus untuk pembangunan belia Kedah, selain menyatakan hasrat kehadiran ulama dunia untuk menziarahi barisan kepimpinan kerajaan negeri.

Mohd Rawi bagaimanapun tidak



Status di laman sosial mengenai perjumpaan Mohd Rawi bersama penganjur bagi membincangkan program itu.

Majlis Fatwa Kedah, Prof Madya Dr Abd Aziz Hanafi meminta kerajaan lebih tegas menyekat penularan tarekat Naqsyabandiah termasuk kehadiran pemimpinnya ke negara ini, apabila diuar-uarkan sebuah program berkaitan akan diadakan di Kedah.

Beliau turut meminta umat Islam mengikut ketetapan yang dibuat Majlis Fatwa Kebangsaan 2000 yang memutuskan tarekat itu adalah sesat dan bertentangan dengan fahaman Sunnah Wal Jamaah serta menyeleweng dari ajaran Islam.

Kolej Universiti Insaniah (Kuin) turut menarik balik kelulusan membenarkan Dewan Besar Sultan Abdul Halim di kolej itu, digunakan bagi penganjuran program itu setelah merujuk kepada jabatan Mufti Kedah.

Malah Mufti Kedah, Datuk Syekh Muhammad Baderudin Ahmad melahirkan rasa kessal apabila wujud usaha pihak-pihak tertentu cuba menyebarkan ajaran sesat di negeri ini, dengan menjemput pemimpin tare-

lebih dahulu, selepas siasatan selesai dibuat mengenai pemimpin tarekat itu. Sehingga itu, penganjur enggan mengulas lanjut," katanya, ketika dihubungi.

Status program itu sama ada dibatalkan juga tidak dapat disahkan

Sumber yang rapat dengan penganjur akan memberi maklum balas dalam masa terdekat selepas labatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengeluarkan kenyataan terkini menghubungkan siasatan terhadap pemimpin itu.